

09/07/1999

Fasa I Cyberjaya siap lebih awal (HL)

Azlan Jaafar; Jamhariah Jaafar; Hizral Tazif Hashim; Ebi Azly Abdullah CYBERJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berjaya menyiapkan fasa pertama pembangunan bandar raya pintar, Cyberjaya, lebih awal daripada jadual walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu secara langsung akan menjadi penyumbang utama kepada proses pemulihan ekonomi negara.

"Kemampuan kita menyiapkan fasa pertama pembangunan Cyberjaya lebih awal daripada jadual adalah bukti komitmen kita kepada semua pelabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya ketika merasmikan pembukaan Cyberjaya, di sini hari ini.

Majlis perasmian itu diadakan sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ketiga di sini selama tiga hari, bermula hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob serta beberapa menteri Kabinet lain.

Di samping itu, 25 ahli IAP dan wakilnya hadir di majlis yang dilakukan di Taman Apex, Cyberview Lodge.

Pelan pembangunan Cyberjaya terbahagi kepada empat zon utama dan pelaksanaan fasa pertama mulai 1997 hingga 1999 membabitkan kawasan seluas 883 hektar, merangkumi pembinaan Universiti Multimedia Malaysia (UMM) dan makmal NTT Corporation.

Selain itu, tiga fasa lagi akan dimajukan secara berperingkat iaitu fasa kedua mulai tahun 2000 hingga 2002 di kawasan seluas 596 hektar; fasa ketiga di kawasan 592 hektar (2003-2007) dan fasa keempat membabitkan 784 hektar (2008-2020).

Mengulas perkembangan pembangunan projek MSC, Perdana Menteri berkata kemajuan yang dicapai setakat ini jelas membuktikan kemampuan Malaysia untuk membangunkan infrastruktur MSC dalam tempoh yang begitu pantas.

Menurutnya, walaupun ketika ekonomi meleset, MSC tetap diberi keutamaan dari segi peruntukan kewangan dan sokongan dasar.

Sehubungan itu, beliau mengulangi komitmen kerajaan untuk menentukan kejayaan Cyberjaya menerusi pembangunan pantas.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menjadikan MSC sebagai pemacu terbaru pertumbuhannya setelah mengambil kira potensi dan nilainya.

"Rakyat Malaysia secara amnya tahu bahawa MSC mewakili masa depan mereka, maka sokongan dan penyertaan dalam usaha ini telah meresapi keseluruhan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak menganggap projek yang serupa dengan MSC di negara-negara lain sebagai pesaing, tetapi lebih menyerupai peluang untuk menjalin rangkaian dan kerjasama.

Katanya, setakat ini sebanyak 32 syarikat multinasional teknologi maklumat sudah menerima status MSC, melebihi 50 peratus daripada sasaran 50 syarikat menjelang 2003.

Di samping itu, beliau berkata sejumlah 285 syarikat lagi sudah memohon untuk status yang sama dan 225 sudah diluluskan.

Dr Mahathir berkata, ketika ini sebanyak 21 syarikat termasuk lapan syarikat berstatus MSC sudah memulakan operasi di sini, antaranya ialah Pusat NTT-MSK, syarikat NTT kedua terbesar di luar Jepun.

Justeru, katanya, MSC perlu terus melaksanakan inovasi, malah lebih

mesra kepada pelabur untuk menarik pengetahuan dari seluruh dunia bagi membantu mencipta masyarakat yang lebih ceria, kreatif dan bermaklumat di Cyberjaya.

(END)